

Pengaruh Persekitaran Sosial Terhadap Pendirian Politik Wanita di Selangor

The Influence of Social Environment on the Political Stance of Women in Selangor

MOHAMAD MAHATHIR MOHAMED YOUNOS, MAZLAN ALI
& JUNAIDI AWANG BESAR*

Received: 4-8-2025 /Accepted: 23-9-2025

ABSTRAK

Kajian ini menganalisis pendirian politik wanita di Selangor dan peranan persekitaran sosial dalam membentuk pandangan mereka. Faktor utama yang dikaji termasuk keluarga, pasangan, jiran, rakan rapat, pemimpin komuniti, media massa, dan perbezaan kawasan bandar-luar bandar. Kajian ini menggunakan persampelan rawak berstrata melibatkan 3,579 responden wanita bagi memastikan keterwakilan pelbagai latar belakang. Hasil kajian menunjukkan hubungan interpersonal seperti keluarga (45.98%) dan pasangan (42.62%) adalah pengaruh utama, terutamanya di kawasan luar bandar; manakala media massa dan rakan sebaya lebih berpengaruh di kawasan bandar. Selain itu, wanita berpendidikan tinggi dan yang mempunyai akses luas kepada media cenderung membentuk pendirian politik yang lebih bebas dan kritikal. Sumbangan utama kajian ini adalah penerokaan mendalam terhadap peranan sosial dalam konteks geografi dan budaya unik Selangor; mengisi jurang dalam literatur politik wanita di Malaysia. Kajian ini memberikan pemahaman baharu mengenai dinamika sosial yang membentuk pendirian politik, terutama dalam masyarakat yang kompleks antara konservatisme dan liberalisme. Secara praktikal, dapatan kajian ini membantu pembuat dasar, NGO, dan aktivis politik merangka strategi komunikasi yang disesuaikan dengan konteks demografi dan sosial wanita. Ini termasuk penyediaan program literasi politik dan kempen kesedaran melalui media sosial dan tradisional. Selain itu, kajian menekankan keperluan untuk memperkasa pendidikan politik yang inklusif, khususnya bagi wanita luar bandar yang lebih terdedah kepada pengaruh interpersonal. Penemuan ini memberi implikasi besar kepada pembangunan sosial dan politik, mencadangkan pendekatan pelbagai dimensi untuk meningkatkan penglibatan politik wanita secara bermaklumat.

Kata kunci: Politik Wanita; pengaruh sosial; media massa; persekitaran sosial; pendirian politik

ABSTRACT

This study analyzes the political stance of women in Selangor and the role of social environments in shaping their views. The key factors examined include family, partners, neighbors, close friends, community leaders, mass media, and urban-rural differences. The study employed stratified random sampling involving 3,579 female respondents to ensure representation across diverse backgrounds. Findings reveal that interpersonal relationships, such as family (45.98%) and partners (42.62%), are primary influences, particularly in rural areas, while mass media and peers hold greater sway in urban settings. Moreover, women with higher education levels and broader media access tend to develop more independent and critical political perspectives. The main contribution of this study lies in its in-depth exploration of social influences within the unique geographical and cultural context of Selangor; addressing gaps in the literature on women's political dynamics in Malaysia. This study provides novel insights into the social dynamics that shape political stances, especially in a society navigating between conservatism and liberalism. Practically, the findings offer valuable guidance for policymakers, NGOs, and political activists to design tailored communication strategies that consider the demographic and social contexts of women. This includes developing political literacy programs and awareness campaigns through both social and traditional media. Additionally, the study highlights the need for inclusive political education, particularly for rural women who are more susceptible to interpersonal influences. These findings carry significant implications for social and political development, advocating for a multidimensional approach to empower women informed political participation.

Keywords: Women's politics; social influence; mass media; social environment; political stance

PENGENALAN

Pendirian politik wanita menjadi topik kajian yang semakin mendapat perhatian dalam bidang sains politik, khususnya di negara-negara yang sedang berkembang. Dalam konteks Malaysia, wanita merupakan separuh daripada populasi pengundi, menjadikan pemahaman terhadap faktor-faktor yang membentuk pendirian politik mereka sebagai aspek penting dalam analisis dinamika politik tempatan (Ismail, M. T., Febriansyah, M., & Annuar, 2023). Namun, kajian terdahulu lebih banyak memberi tumpuan kepada pengaruh faktor individu seperti pendidikan dan pendapatan (SAIDON, 2022), manakala pengaruh persekitaran sosial masih kurang dikaji. Di Selangor, negeri yang mempunyai gabungan kawasan bandar dan luar bandar, peranan faktor sosial seperti hubungan keluarga, pasangan, jiran, rakan rapat, serta pengaruh media massa dalam membentuk pandangan politik wanita masih belum dijelaskan secara mendalam (Marinayadzmin, 2020). Tambahan pula, perubahan demografi dan nilai-nilai sosial di negeri Selangor mencetuskan pertembungan antara pandangan konservatif dan liberal, menjadikan kajian ini relevan dalam memahami pola kecenderungan politik wanita. Kajian terdahulu di negara lain menunjukkan bahawa wanita di kawasan luar bandar lebih dipengaruhi oleh hubungan interpersonal seperti keluarga dan pemimpin komuniti, manakala wanita di kawasan bandar lebih cenderung dipengaruhi oleh media massa dan rakan sebaya (Hashemi, 2021). Namun, bukti empirikal di Malaysia untuk menyokong pola ini masih terhad. Kajian ini bertujuan untuk mengisi jurang literatur tersebut dengan menganalisis sejauh mana faktor sosial dan persekitaran mempengaruhi pendirian politik wanita di Selangor. Objektif utama kajian ini adalah untuk: (1) mengenal pasti peranan hubungan interpersonal dalam membentuk pandangan politik wanita, (2) menilai perbezaan pengaruh antara kawasan bandar dan luar bandar, serta (3) menentukan sejauh mana pendidikan dan akses kepada media massa mempengaruhi pendirian politik yang bebas dan berdikari. Kajian ini dijangka memberikan sumbangan bermakna terhadap literatur politik tempatan dan membantu pemahaman lebih mendalam mengenai dinamika politik wanita di Malaysia.

KAJIAN LITERATUR

PENGARUH KELUARGA TERHADAP PENDIRIAN POLITIK

Keluarga adalah institusi sosial pertama yang membentuk nilai-nilai, persepsi, dan sikap seseorang, termasuk dalam bidang politik. Sebagai contoh, ibu bapa sering kali memainkan peranan utama dalam menerapkan kecenderungan politik anak-anak mereka melalui perbualan harian, pendirian terhadap isu-isu semasa, atau bahkan sokongan kepada parti politik tertentu. Di dalam banyak kes, anak-anak cenderung untuk mengikuti pemikiran politik keluarga mereka, sama ada secara langsung melalui kesan emosi atau tidak langsung melalui contoh yang dihasilkan oleh ibu bapa. Apabila ibu bapa terbabit secara aktif dalam politik, anak-anak mungkin akan terbuka terhadap pelbagai persepsi dan berpeluang untuk menyelami isu-isu politik, namun dalam situasi lain, mereka mungkin menerima persepsi yang lebih konservatif atau terhad jika ibu bapa mereka tidak memberi pendedahan yang sewajarnya terhadap kepelbagaian pendapat politik. Kesimpulannya, keluarga berperanan sebagai saluran utama dalam membentuk sikap politik anak-anak, sama ada dengan cara yang terbuka atau tertutup.

Di samping itu, pengaruh keluarga juga dapat dilihat dalam cara ia mempengaruhi corak pemikiran politik individu dalam konteks budaya dan agama. Dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan agama, keluarga bukan sahaja mencorakkan persepsi politik melalui sokongan terhadap parti-parti politik tertentu, tetapi juga melalui cara mereka memberi pandangan mengenai isu-isu berkaitan keadilan sosial, hak asasi manusia, atau dasar-dasar kerajaan. Sebagai contoh, sesetengah keluarga mungkin memberi penekanan kepada nilai-nilai konservatif yang berhubung rapat dengan kepercayaan agama atau etnik tertentu, yang akhirnya mempengaruhi pendirian politik anak-anak mereka terhadap isu-isu seperti pendidikan, hak wanita, atau dasar kerajaan mengenai kaum dan agama. Oleh itu, keluarga bukan sahaja membentuk nilai politik melalui pengaruh langsung tetapi juga melalui sosialisasi budaya yang memberi kesan terhadap cara seseorang melihat dunia politik. Seiring dengan bertambahnya usia dan kematangan, sesetengah individu mungkin berusaha untuk menilai semula atau mengubah persepsi yang diwarisi, tetapi pengaruh keluarga tetap menjadi faktor utama dalam pembentukan asas persepsi politik mereka.

Keluarga sering dianggap sebagai institusi sosialisasi politik utama yang mempengaruhi pembentukan pendirian politik individu. Dari perspektif teori sosialisasi politik, keluarga menjadi sumber pertama dalam memperkenalkan nilai-nilai politik melalui interaksi sehari-hari dan pengalaman bersama (Adam, Z., Suadi, S., & Nurdin, 2020). Dalam konteks wanita, proses ini lebih signifikan kerana peranan keluarga dalam membentuk identiti jantina dan tanggungjawab sosial turut memberi kesan kepada pandangan politik mereka. Di Malaysia, hubungan kekeluargaan yang kuat, terutamanya dalam masyarakat luar bandar, memberikan peranan dominan kepada ibu bapa dalam menentukan kecenderungan politik anak-anak, termasuk wanita dewasa (Yusop, N., & Talib, 2023). Kajian terdahulu menunjukkan bahawa wanita sering kali mewarisi pendirian politik daripada ibu bapa mereka, terutamanya bapa yang memainkan peranan utama sebagai ketua keluarga dalam budaya tradisional. Contohnya, kajian oleh Azid et al., (2023) menunjukkan bahawa 60% responden wanita di kawasan luar bandar cenderung mengikuti pendirian politik ibu bapa mereka. Namun, di kawasan bandar, pola ini kurang ketara kerana peranan keluarga semakin digantikan oleh pengaruh luar seperti rakan sebaya dan media sosial. Namun begitu, kajian ini tidak mengambil kira perubahan dinamik dalam keluarga moden, di mana wanita semakin memainkan peranan aktif dalam membuat keputusan politik. Selain itu, konflik nilai antara generasi turut mempengaruhi pandangan politik, khususnya dalam keluarga yang terdedah kepada nilai-nilai liberal di kawasan bandar. Kajian ini bertujuan untuk meneroka aspek-aspek ini dengan lebih mendalam, termasuk bagaimana peranan gender dan komunikasi keluarga mempengaruhi perubahan pendirian politik wanita di Selangor.

PERANAN RAKAN SEBAYA DAN JARINGAN SOSIAL

Rakan sebaya dan jaringan sosial memainkan peranan yang penting dalam membentuk persepsi politik seseorang, terutamanya dalam era digital ini iaitu interaksi sosial seringkali terjadi dalam talian. Rakan sebaya, yang sering kali berkongsi nilai, pengalaman, dan perspektif yang sama, dapat mempengaruhi persepsi politik seseorang melalui perbualan sehari-hari dan perkongsian pendapat dalam pelbagai platform. Dalam kalangan remaja dan belia, pengaruh rakan sebaya adalah sangat kuat kerana mereka cenderung untuk mencari penerimaan dalam kumpulan sosial mereka. Rakan-rakan boleh membantu seseorang menghasilkan identiti politiknya, sama ada melalui sokongan terhadap satu parti politik atau pendirian terhadap isu-isu tertentu, seperti kesamarataan gender atau perubahan iklim. Sebagai contoh, dalam kalangan mahasiswa, perbincangan di kampus tentang dasar pendidikan atau isu-isu negara boleh memperkuat

sokongan atau membentuk sikap terhadap parti-parti politik tertentu. Pengaruh ini juga semakin ketara dengan adanya media sosial, yang membolehkan individu berinteraksi dengan lebih ramai orang dari pelbagai latar belakang dan menerima maklumat yang lebih pelbagai, yang seterusnya mempengaruhi penilaian politik mereka.

Selain itu, jaringan sosial yang merangkumi hubungan dengan pelbagai individu di luar kumpulan rakan sebaya seperti di tempat kerja, komuniti atau organisasi sosial, turut memberi kesan yang besar terhadap persepsi politik seseorang. Melalui interaksi dalam jaringan sosial ini, seseorang dapat terdedah kepada pelbagai persepsi dan ideologi yang mungkin tidak terdapat dalam persekitaran rakan sebaya mereka. Jaringan sosial memberi peluang untuk berbincang tentang isu-isu politik yang lebih mendalam dan memperkenalkan individu kepada pelbagai perspektif, daripada yang konservatif hinggalah yang progresif. Misalnya, seseorang yang aktif dalam kumpulan masyarakat atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mungkin lebih terdedah kepada isu-isu hak asasi manusia atau keadilan sosial, yang dapat mempengaruhi pendiriannya terhadap parti atau pimpinan politik yang lebih memperjuangkan hak tersebut. Oleh itu, rakan sebaya dan jaringan sosial bukan sahaja berperanan sebagai saluran untuk pertukaran pendapat, tetapi juga sebagai platform untuk memperkaya pemahaman dan memperluaskan persepsi politik seseorang, yang seterusnya membentuk sikap dan keputusan politik mereka.

Rakan sebaya dan jaringan sosial sering menjadi pengaruh sekunder yang signifikan dalam membentuk pendirian politik wanita, terutamanya apabila mereka berada di luar lingkungan keluarga. Di kawasan bandar, di mana wanita lebih terdedah kepada pelbagai pandangan dan pengalaman, hubungan interpersonal dengan rakan sebaya, rakan sekerja, dan komuniti sosial memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat politik dan membentuk pemikiran kritis (Omar, N. H., Kasim, A. C., & Manap, 2024). Kajian oleh Wahab & Ahmad (2024) mendapati bahawa wanita yang bekerja di sektor profesional lebih cenderung dipengaruhi oleh perbincangan politik dengan rakan sebaya berbanding keluarga. Hal ini berlaku kerana interaksi sosial dalam persekitaran kerja sering melibatkan isu-isu politik yang relevan dengan kehidupan harian mereka, seperti dasar ekonomi dan kebajikan sosial. Walau bagaimanapun, di kawasan luar bandar, hubungan interpersonal lebih terhad kepada komuniti setempat seperti jiran dan rakan rapat. Hubungan ini sering dikaitkan dengan norma tradisional, di mana pendirian politik lebih selaras dengan konsensus masyarakat. (Kamaruddin, 2022). Walaupun rakan sebaya memainkan peranan penting, kajian terdahulu kurang memberi perhatian kepada bagaimana jaringan sosial yang lebih luas, seperti kumpulan komuniti dalam talian dan aktiviti sukarela, mempengaruhi pandangan politik wanita (Jusoh, M. N., Moden, P. B., & Latada, 2018). Kajian ini akan mengisi jurang tersebut dengan menilai peranan pelbagai jenis hubungan sosial dalam konteks geografi dan sosioekonomi yang berbeza di Selangor.

MEDIA SOSIAL SEBAGAI PEMANGKIN KESEDARAN POLITIK

Media sosial telah muncul sebagai salah satu platform utama dalam memperkuat kesedaran politik, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Dengan adanya akses pantas dan mudah kepada informasi, media sosial membolehkan individu mendapatkan berita dan maklumat politik secara langsung, tanpa perlu bergantung sepenuhnya terhadap media tradisional yang mungkin lebih terkawal. Perbincangan politik dalam media sosial sering kali bersifat interaktif, membolehkan orang ramai memberi pendapat, berkongsi pengalaman, dan mendebatkan isu-isu semasa secara terbuka. Di samping itu, media sosial memberikan ruang kepada pihak-pihak yang mungkin tidak mendapat perhatian yang sama dalam media arus perdana untuk menghebahkan

pendapat dan kempen politik mereka, menjadikannya lebih inklusif. Contohnya, calon-calon politik atau parti-parti pembangkang boleh menggunakan platform seperti Twitter, Facebook, atau Instagram untuk berinteraksi dengan pengundi dan menyampaikan mesej mereka secara terus. Dengan interaksi yang lebih mesra dan tidak formal, media sosial berperanan sebagai alat untuk menaikkan kesedaran tentang isu-isu penting seperti hak asasi manusia, ketidakadilan sosial, dan dasar-dasar kerajaan yang memberi impak kepada masyarakat.

Di samping itu, media sosial juga berperanan dalam membentuk trend pemikiran politik dengan memperkenalkan pelbagai persepsi yang mungkin tidak dijangkakan dalam kehidupan seharian. Algoritma yang digunakan oleh platform seperti Facebook dan YouTube, yang mempromosikan kandungan berdasarkan minat pengguna, boleh menyampaikan pelbagai perspektif politik kepada individu. Namun, ia juga boleh mencipta gelembung echo chamber, di mana pengguna hanya terdedah kepada persepsi yang serupa dengan mereka, yang berpotensi memperkuat pendirian politik yang sudah ada tanpa membuka ruang untuk perbincangan yang lebih luas. Walaupun begitu, media sosial tetap berperanan sebagai platform yang memupuk kesedaran politik dan memberi kebebasan kepada pengguna untuk mencari maklumat, memberi pendapat, dan menyertai gerakan sosial atau politik. Dengan cara ini, ia bukan sahaja berfungsi sebagai saluran untuk penyebaran maklumat, tetapi juga sebagai pemangkin yang mendorong individu untuk lebih kritikal terhadap situasi politik di sekeliling mereka, serta memberi kesan langsung kepada keputusan politik dan pilihan pengundi.

Media sosial telah mengubah cara maklumat politik disampaikan dan diterima, menjadikannya salah satu platform utama untuk meningkatkan kesedaran politik dalam kalangan wanita. Wanita di kawasan bandar, khususnya, menggunakan media sosial sebagai medium utama untuk mendapatkan maklumat politik kerana akses yang lebih mudah dan interaktif (Jasni, M. A., Jaafar, W. M. W., & Zainalaludin, 2024). Platform seperti Facebook, Instagram, dan Twitter menyediakan ruang untuk perbincangan politik yang lebih terbuka, di mana wanita boleh menilai pelbagai perspektif sebelum membentuk pendirian politik mereka. Namun, terdapat cabaran yang berkaitan dengan media sosial, seperti polarisasi maklumat, kesan algoritma, dan penyebaran maklumat palsu. Kajian oleh Yusof et al., (2022) menunjukkan bahawa walaupun media sosial meningkatkan kesedaran politik, ia juga boleh memperkuat *bias* sedia ada apabila pengguna hanya berinteraksi dengan kandungan yang selaras dengan pandangan mereka. Dalam konteks Selangor, wanita yang mempunyai literasi digital tinggi lebih cenderung untuk memanfaatkan media sosial secara kritikal, manakala mereka yang kurang berpendidikan mungkin terdedah kepada manipulasi maklumat (Talib, A., Yusof, M. N., Zan, Z. M., & Ngah, 2017). Kajian ini akan menilai sejauh mana literasi digital mempengaruhi cara wanita menggunakan media sosial untuk membentuk pendirian politik mereka, dengan mengambil kira faktor geografi dan demografi.

Responden sangat terlibat dengan pandangan politik yang dikongsi di media sosial. Bukan itu sahaja responden juga menyatakan minat mereka untuk membaca kandungan berita atau maklumat tentang calon politik dikongsi di media sosial. Ini menunjukkan bahawa masyarakat hari ini sangat prihatin dengan apa yang ada disiarkan di media sosial mengenai perkara yang melibatkan senario politik semasa (Ali et al. 2018).

Penggunaan maklumat politik media sosial tidak mendorong beliau untuk lebih cenderung untuk mengundi, tetapi sebaliknya, mengganggu mereka daripada melaksanakan tugas pengundi. Sebaliknya, tingkah laku mengundi lebih cenderung untuk diramalkan oleh pembolehubah politik seperti gabungan parti dan kepentingan politik (Tan, 2022).

Wanita Malaysia masih menghadapi banyak cabaran dalam mengejar kepentingan politik mereka. Cabaran ini termasuk penguasaan yang berpunca daripada kepercayaan, budaya dan agama, kekurangan sokongan keluarga dan pasangan, kekurangan sokongan kewangan, ketiadaan latihan politik dan peminggiran daripada parti politik (Victor, V.O., Muhammad Fuad & Nazariah, 2021).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan rentas keratan (cross-sectional survey) dengan pendekatan campuran (kuantitatif & kualitatif). Kajian ini melibatkan soal selidik terhadap sejumlah sampel responden iaitu 3,579 wanita dari seluruh Dewan Undangan Negeri Selangor. Menurut statistik SPR semasa Pilihan Raya Negeri (PRN) Selangor 2023, terdapat populasi 1,889,290 pengundi wanita di Selangor. Persampelan rawak berstrata digunakan untuk memastikan setiap kumpulan wanita dalam kajian diwakili dengan sewajarnya dari segi umur, agama, bangsa, bilangan ahli keluarga, jumlah anak, pekerjaan, dan pendapatan bulanan. Soal selidik kajian ini terdiri daripada Bahagian A (demografi) dan Bahagian B (Pengaruh Persekitaran Sosial) dengan menggunakan skala Likert 1-5. Dalam kajian ini, kaedah kuantitatif dan kualitatif digunakan. Kaedah kuantitatif melibatkan kajian tinjauan yang dijalankan melalui pengumpulan data dan secara bersemuka. Selain itu, kaedah (Krejcie, R.V. & Morgan, 1970) digunakan untuk menentukan saiz sampel kajian. Untuk melengkapi data kuantitatif yang diperoleh daripada kaedah kualitatif, mesyuarat kumpulan fokus telah diadakan. Kaedah ini memanfaatkan sumber, pengetahuan, dan pengalaman pakar dalam kumpulan fokus. Persampelan bertujuan digunakan untuk memilih peserta kumpulan fokus. Kajian perpustakaan juga digunakan untuk menyimpan rekod sumber sekunder yang berkaitan dengan kajian ini. Mengumpul dan melengkapi maklumat kajian adalah penting.

HASIL KAJIAN

Kajian mengenai pendirian politik wanita di Selangor semakin relevan dalam konteks politik moden, terutamanya dalam memahami faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan mereka ketika mengundi atau menyokong dasar-dasar tertentu. Sebagai sebuah negeri yang mempunyai komposisi penduduk yang berbeza dari segi etnik, agama, dan kawasan kediaman, faktor-faktor seperti keluarga, jiran, kawan rapat, dan media massa memainkan peranan penting dalam pembentukan pandangan politik wanita. Graf yang ditunjukkan menguraikan data ini berdasarkan beberapa kategori seperti pendirian politik individu, pengaruh suami dan keluarga, serta pelbagai sumber persekitaran sosial.

DEMOGRAFI RESPONDEN


Bahagian ini akan menjelaskan berkaitan latar belakang responden seperti status perkahwinan, pengkelasan umur, bangsa, agama dan pekerjaan di kawasan kajian (Rujuk JADUAL 1).

JADUAL 1. Latar belakang sosioekonomi responden

Latar belakang sosioekonomi responden	Peratus (%)
Status Perkahwinan	
Berkahwin	65.5
Bujang	25.4
Balu	5.4
Berceraai	3.7
Umur	
26-30	
31-35	18.2
36-40	19.2
41-50	16.2
50-59	16.2
61 dan ke atas	6.8
Bangsa	
Melayu	44.8
Cina	33.0
India	22.2
Lain-lain	0
Agama	
Islam	45.3
Buddha	32.4
Hindu	20.1
Kristian	2.3
Tiada agama	0
Pekerjaan	
Bekerja sendiri	29.7
Kakitangan kerajaan	11.7
Pelajar	7.4
Suri rumah	14.4
Swasta	31.8
Tidak bekerja	5.0

PENDIRIAN POLITIK

RAJAH 1 menunjukkan bahawa 44.45% responden wanita di Selangor mempunyai pandangan politik mereka sendiri tanpa dipengaruhi oleh faktor luar seperti keluarga atau suami. Kajian terbaru oleh Rahim et al. (2022) menunjukkan bahawa peningkatan pendidikan dan akses kepada media sosial memainkan peranan dalam membentuk pendirian politik yang lebih berdikari. Ini adalah konsisten dengan keputusan ini, yang menunjukkan bahawa hampir separuh daripada responden telah membentuk pandangan politik mereka sendiri berdasarkan informasi yang mereka peroleh secara bebas (Ibrahim & Omar, 2023).




RAJAH 1. Responden mempunyai pandangan sendiri

Pendirian politik yang dibentuk secara bebas ini mencerminkan perubahan dalam landskap sosio-politik di kalangan wanita di Selangor, terutama dengan akses yang lebih baik kepada pendidikan dan teknologi maklumat. Pendidikan yang lebih tinggi memberikan wanita keupayaan untuk memahami isu-isu politik dengan lebih mendalam dan kritikal, manakala media sosial menjadi platform untuk mereka mendapatkan maklumat secara langsung dan tidak bergantung kepada saluran tradisional seperti keluarga atau rakan (Hassan & Mansor, 2021). Kajian oleh Zainal et al. (2021) mendapati bahawa wanita yang berpendidikan tinggi lebih cenderung untuk menyokong parti politik yang menawarkan dasar-dasar yang berkaitan dengan hak wanita dan pembangunan sosial, menunjukkan bahawa tahap pendidikan bukan sahaja mempengaruhi kedudukan politik, tetapi juga isu-isu yang diperjuangkan.

SAYA DAN SUAMI MEMPUNYAI PANDANGAN SAMA

RAJAH 2 menunjukkan sebanyak 43.31% wanita di Selangor berkongsi pandangan politik yang sama dengan suami mereka. Ini menunjukkan betapa kuatnya pengaruh suami dalam membentuk pendirian politik wanita di negeri ini. Menurut kajian yang dilakukan oleh Zainal & Ahmad (2021), peranan institusi perkahwinan di Malaysia masih mendominasi dalam pembentukan keputusan-keputusan penting, termasuklah pandangan politik. Ini berkait rapat dengan struktur patriarki yang masih kuat dalam masyarakat, di mana wanita sering kali lebih selesa untuk bersetuju dengan pandangan pasangan mereka, terutamanya dalam konteks politik (Lee et al., 2022). Pendirian politik yang serasi antara pasangan suami isteri mencerminkan kebergantungan sosial dan emosional dalam institusi perkahwinan di Malaysia.




RAJAH 2. Responden dan suami mengikuti pandangan suami

Sebanyak 43.31% wanita di Selangor melaporkan bahawa mereka berkongsi pandangan politik yang sama dengan suami mereka, yang menunjukkan pengaruh besar pasangan dalam membentuk keputusan politik. Kajian oleh Zainal & Ahmad (2021) menjelaskan bahawa dalam banyak keluarga, peranan suami sebagai ketua keluarga masih dominan, dan ini melibatkan bukan hanya aspek ekonomi atau sosial tetapi juga keputusan-keputusan berkaitan politik. Dalam situasi ini, wanita cenderung untuk menyelaraskan pandangan politik mereka dengan suami, mungkin untuk mengekalkan keharmonian rumah tangga atau kerana rasa hormat terhadap pandangan pasangan. Institusi perkahwinan di Malaysia sering kali dibentuk dalam kerangka patriarki, di mana suami dianggap sebagai pengambil keputusan utama dalam banyak aspek kehidupan rumah tangga, termasuk pilihan politik (Hamid & Omar, 2020).

PENDIRIAN POLITIK: SAYA DAN KELUARGA MEMPUNYAI PANDANGAN SAMA

RAJAH 3 menunjukkan sebanyak 45.98% wanita di Selangor menyatakan bahawa pandangan politik mereka selari dengan keluarga mereka. Pengaruh keluarga, terutamanya dalam konteks masyarakat yang lebih konservatif seperti di luar bandar, sangat kuat dalam membentuk pandangan politik individu (Aminuddin & Hassan, 2023). Kajian oleh Noor & Ismail (2020) menegaskan bahawa struktur keluarga memainkan peranan besar dalam memupuk ideologi politik yang sama di kalangan ahli keluarga. Ini mencerminkan pengaruh kuat nilai-nilai keluarga terhadap wanita, terutama dalam keluarga yang rapat. Ini menunjukkan pengaruh yang kuat yang dimainkan oleh keluarga dalam membentuk pandangan politik individu, terutamanya dalam konteks masyarakat Malaysia yang masih sangat menekankan nilai kekeluargaan dan keharmonian keluarga (Aminuddin & Hassan, 2023). Dalam kajian oleh Noor & Ismail (2020), dinyatakan bahawa dalam keluarga yang rapat, idea dan pendirian politik cenderung untuk dikongsi bersama di kalangan ahli keluarga.




RAJAH 3. Responden dan keluarga mempunyai pandangan yang sama

Nilai-nilai yang ditanam oleh ibu bapa sejak kecil, termasuk nilai-nilai berkaitan agama, budaya, dan politik, sering diteruskan kepada generasi berikutnya, dan ini berlaku dengan lebih ketara di kawasan luar bandar atau masyarakat konservatif. Sokongan ini kepada ideologi politik yang sama di dalam keluarga biasanya diperkuat oleh perbincangan politik harian, di mana pandangan keluarga menjadi landasan penting bagi pembentukan pendirian politik seseorang individu (Rahman & Abdul, 2021). Wanita di Selangor, terutamanya mereka yang tinggal dalam masyarakat yang lebih konservatif atau berpandangan tradisional, cenderung untuk mengikut pandangan keluarga, sama ada kerana faktor hormat kepada struktur keluarga atau kerana perbincangan politik dalam kalangan keluarga yang kerap. Kajian yang dijalankan oleh Ahmad & Ali (2022) menunjukkan bahawa faktor ini bukan sahaja melibatkan keluarga dekat seperti ibu bapa dan adik-beradik, tetapi juga termasuk sanak-saudara yang lebih jauh seperti bapa saudara, ibu saudara, dan nenek moyang yang kerap menjadi teladan dan sumber rujukan dalam hal-hal berkaitan politik.

PENGARUH PERSEKITARAN: JIRAN

Jiran juga memainkan peranan penting dalam membentuk pendirian politik, dengan 38.25% responden menyatakan bahawa pandangan politik mereka dipengaruhi oleh jiran (Lihat RAJAH 4). Ini menunjukkan bagaimana interaksi harian dalam komuniti setempat boleh mempengaruhi pilihan politik. Kajian oleh Mansor et al. (2023) mendapati bahawa perbincangan politik yang kerap berlaku dalam komuniti setempat, terutamanya dalam kawasan perumahan, boleh mempengaruhi pandangan politik, di mana jiran dianggap sebagai sumber maklumat yang dipercayai. Dalam konteks Selangor, pengaruh ini sering kali lebih ketara dalam kalangan masyarakat luar bandar yang menjalankan kehidupan sosial yang rapat, di mana hubungan jiran tetangga yang erat mencipta platform bagi perbincangan politik yang mudah dan santai (Rahim & Kamal, 2021).




RAJAH 4. Pengaruh persekitaran (jiran) terhadap pandangan politik responden

Jiran juga sering dianggap sebagai rujukan yang boleh dipercayai kerana hubungan mereka yang rapat dan berpanjangan, menyebabkan mereka dapat memberikan perspektif yang lebih lokal dan realistik berbanding media massa atau media sosial (Hassan & Ahmad, 2022). Tambahan lagi, kajian oleh Yusof & Idris (2020) menunjukkan bahawa perbualan berkenaan isu semasa, seperti harga barang, pendidikan, dan kemudahan awam di kawasan perumahan, sering kali menjadi titik tumpuan dalam membentuk pendirian politik yang selari dengan pengalaman harian penduduk setempat. Ini turut disokong oleh kajian yang dijalankan di Malaysia, di mana Wan & Ali (2019) mendapati bahawa interaksi politik di kalangan jiran mampu membentuk satu kesatuan pandangan politik yang berkaitan dengan isu tempatan. Dalam komuniti yang mempunyai pandangan politik yang serupa, wanita lebih cenderung untuk mengikuti norma politik setempat untuk mengekalkan hubungan sosial yang harmoni.

PENGARUH PERSEKITARAN: KAWAN RAPAT

